

IMPAK PENGIKTIRAFAN TAPAK WARISAN DUNIA ARKEOLOGI LEMBAH LENGGONG UNESCO KEPADA SOSIOEKONOMI MASYARAKAT SETEMPAT

Minha Julabidin Ismail
Universiti Kebangsaan Malaysia
E-mail: minhaperak@gmail.com

Fatin Umaira Muhamad Azian
Universiti Kebangsaan Malaysia
E-mail: fatin.umaira@ukm.edu.my

ABSTRAK

Pengiktirafan Tapak Warisan Dunia Arkeologi Lembah Lenggong UNESCO yang diterima oleh Lenggong telah berjaya merubah landskap ekonomi setempat dari berfokuskan pertanian kepada industri pelancongan. Peningkatan kunjungan pelancong tempatan dan antarabangsa telah membuka ruang untuk pertumbuhan aktiviti ekonomiberasaskan pelancongan. Keunikan Lenggong yang penuh dengan keindahan dan keunikan tempatan juga meningkatkan potensi industri pelancongan untuk terus maju di Lenggong. Namun demikian, perkembangan industri pelancongan ini turut mengundang perpindahan masuk penduduk dari luar dan banjir manusia di setiap tempat tumpuan pelancong pada waktu puncak. Situasi ini telah merubah rutin dan ekspektasi setempat yang kemudiannya membawa impak kepada sosioekonomi masyarakat setempat. Kajian ini meneliti impak pengiktirafan Tapak Warisan Dunia UNESCO kepada pertumbuhan sosioekonomi, termasuk perbezaan impak antara jantina, serta cabaran yang dihadapi masyarakat setempat. Empat (4) komponen sosioekonomi diberi fokus dalam kajian adalah i) pewujudan peluang pekerjaan baru dan peningkatan pendapatan, ii) pertambahan peluang perniagaan, iii) jaringan sosial masyarakat setempat dan iv) penyediaan infrastruktur awam. Kajian menggunakan kaedah kuantitatif dengan teknik persampelan bertujuan dilaksanakan ke atas 191 responden. Hasil kajian menunjukkan keempat-empat komponen memberi impak positif dengan komponen pewujudan peluang pekerjaan baru dan peningkatan pendapatan merupakan komponen paling dominan diikuti pertambahan peluang perniagaan, penyediaan infrastruktur awam dan jaringan sosial masyarakat setempat. Dapatan kajian ini dapat membantu pihak berkepentingan merancang dan mempertimbang semakan kepada dasar, polisi dan inisiatif sedia ada agar potensi Lenggong dapat dioptimumkan dan pertumbuhan sosioekonomi masyarakat setempat terus makmur.

Keywords: UNESCO, Tapak Warisan Dunia, Masyarakat, Impak, Malaysia

1. PENDAHULUAN

Pengiktirafan tapak warisan di bawah senarai Tapak Warisan Dunia UNESCO merupakan pengiktirafan tertinggi di peringkat antarabangsa yang boleh diterima oleh satu-satu tapak warisan. Ia merupakan satu komitmen negara untuk bekerjasama dengan badan dunia dalam memastikan tapak-tapak warisan yang mempunyai nilai tinggi dalam keunikan alamnya serta ketamadunan manusia ini dipulihkan dan dipelihara. Pengiktirafan ini juga mampu menjadi daya tarikan kepada kolaborasi antarabangsa dan menarik pakej bantuan kewangan dari pelbagai sumber (UNESCO WHC 2008). Pengiktirafan Tapak Warisan Dunia UNESCO mampu menjadi tarikan utama pelancongan dari dalam dan luar negara seterusnya menerajui Pembangunan pertumbuhan industri pelancongan lokal serta pertumbuhan sosioekonomi Masyarakat setempat (MOTAC 2024).

Pada tahun 2012, Lenggong telah disenaraikan sebagai sebuah Tapak Warisan Dunia Arkeologi Lembah Lenggong UNESCO. Lenggong disenaraikan di bawah kategori tapak warisan budaya kerana ia mempunyai nilai sejarah serta tinggalan ketamadunan dan tradisi budaya yang tinggi. Kajian telah menunjukkan tapak Lenggong ini mempunyai bukti di tapak terbuka dan gua yang menyimpan sejarah hominid 1,700 hingga 1.83 juta tahun dahulu. Bukti-bukti tersebut antaranya adalah penemuan rangka manusia Perak Man yang dianggarkan berusia lebih 10,000 tahun, tapak bengkel

pembuatan alat batu zaman Paleolitik serta bukti hentaman meteorit sekitar 1.83 juta tahun dahulu (UNESCO 2024a).

Objektif utama penyenaraian tapak warisan di dalam senarai Tapak Warisan Dunia UNESCO adalah untuk memulihara dan memelihara tapak-tapak warisan, namun kajian telah membuktikan penyenaraian ini juga telah membantu membawa perhatian masyarakat dunia kepada lokasi tempatan dan seterusnya menjadi tarikan pelancongan tambahan kepada banyak negara (Castillo-Manzano et al. 2020; Yang et al. 2010). Selain meningkatkan kemasukan pelancong ke tapak warisan, penyenaraian di bawah Tapak Warisan Dunia UNESCO juga mampu menarik perhatian pembuat keputusan awam, potensi penderma dan juga syarikat yang berkaitan dengan industri untuk melabur di lokasi tersebut (Frey & Steiner 2011). Perkembangan ini telah membangunkan industri pelancongan setempat dan seterusnya membuka ruang kepada peningkatan taraf hidup masyarakat yang membawa kepada peningkatan kesejahteraan sosial dan ekonomi komuniti tempatan (Chen et al. 2020; Dousin et al. 2024; Nunkoo & So 2016).

Permintaan pasaran telah membuka jalan kepada pertumbuhan peluang pekerjaan dan pewujudan peluang pekerjaan dalam masyarakat (Andreyanova 2021; Bertacchini et al. 2024; Skrabic Peric et al. 2021; Sumnuxpong & Chiarasumran 2024). Pengiktirafan UNESCO kepada Lenggong juga telah memberi impak positif kepada peningkatan permintaan produk berasaskan pelancongan seperti permintaan perkhidmatan penginapan serta penyedia makanan dan minuman (Anis Fadhilah et al. 2015; Mohd Nazri et al. 2022). Kajian-kajian ini telah berjaya menunjukkan terdapat kesan positif yang ketara untuk makroekonomi Lenggong hasil dari pengiktirafan Tapak Warisan Dunia UNESCO tersebut.

Namun demikian, dapatan kajian ini adalah berdasarkan data-data sebelum tempoh pandemik COVID-19 iaitu dari 2020-2021. Dapatan kajian impak kepada ekonomi komuniti juga telah melewati tempoh sepuluh (10) tahun dan perlu untuk disemak semula bagi membantu perancangan penetapan dasar dan polisi Pembangunan akan datang. Oleh itu, kajian ini akan memberi tumpuan bagi mengenal pasti dan menilai impak pengiktirafan tersebut terhadap sosioekonomi masyarakat setempat.

2. METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan pengedaran borang soal selidik. Instrumen kajian diedarkan kepada 191 responden yang merupakan masyarakat setempat di Daerah Lenggong, Perak. Teknik persampelan bertujuan dipilih dan pengiraan saiz sampel adalah menggunakan aplikasi G*Power. Borang soal selidik dibangunkan berdasarkan empat (4) komponen impak sosioekonomi iaitu pewujudan peluang pekerjaan dan peningkatan pendapatan, pertambahan peluang perniagaan, jaringan sosial serta penambahbaikan infrastruktur awam. 5 poin skala digunakan bagi skala 1 (Sangat Tidak Setuju) sehingga skala 5 (Sangat Setuju). Skala Likert dipilih kerana ianya teknik penskalaan yang mudah diuruskan, mudah difahami dan mudah dipakai bagi mengukur serta menafsir persepsi responden (Subedi 2016). Selain itu, kajian rintis dilaksanakan kepada 33 orang responden dan nilai Cronbach's Alpha yang diperolehi telah memenuhi nilai minimum yang ditetapkan (Chua, 2021).

3. DAPATAN KAJIAN

3.1 Demografi Responden

Seramai 191 orang dari kalangan masyarakat setempat Lenggong, Perak telah terlibat sebagai responden kajian. Pecahan jantina responden menunjukkan 58.1% (111 responden) adalah dari kalangan wanita dan 41.9% (80 responden) dari lelaki. Pecahan usia responden pula didapati agak seimbang kepada keempat-empat kategori usia iaitu kategori 18 hingga 30 tahun dengan 23.0% (44 responden), kategori 31 hingga 40 tahun dengan 29.8% (57 responden), kategori 41 hingga 50 tahun dengan 24.6% (47 responden) dan 22.5% (43 responden) adalah dari kategori 51 tahun ke atas. Melihat kepada komponen bangsa, majoriti responden adalah dari kaum Melayu iaitu 184 responden (96.4%) berbanding masing-masing 4 (2.1%), 2 (1.0%) dan 1 (0.5%) responden dari kaum Cina, India dan Orang asli.

Komponen besar responden iaitu 70.2% (134 responden) adalah dari kalangan masyarakat setempat yang telah menetap di Lenggong lebih dari 10 tahun. Kategori penduduk ini telah berada di Lenggong sebelum atau pada tahun-tahun awal Lenggong diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO. Responden lain adalah dari kategori yang telah menetap 5 hingga 10 tahun (28 responden) dan yang telah menetap kurang dari 5 tahun (29 responden).

3.2 Impak Pengiktirafan Tapak Warisan Dunia UNESCO kepada Sosioekonomi Masyarakat Setempat

Dapatan kajian menunjukkan pengiktirafan Tapak Warisan Dunia UNESCO di Lenggong telah memberi impak positif kepada pertumbuhan keempat-empat komponen utama sosioekonomi masyarakat setempat yang dikaji. Komponen pewujudan peluang pekerjaan baru dan peningkatan pendapatan merupakan komponen yang menerima impak paling dominan apabila mempunyai skor min keseluruhan sangat tinggi iaitu 4.33. Komponen pertambahan peluang perniagaan juga mencatatkan skor min keseluruhan sangat tinggi (4.22) bagi membuktikan ia juga komponen yang menerima impak yang dominan hasil dari pengiktirafan UNESCO tersebut.

Impak pertumbuhan sosioekonomi yang positif turut dicatatkan dalam dua (2) lagi komponen yang dikaji iaitu komponen penyediaan infrastruktur awam dan jaringan sosial masyarakat setempat apabila kedua-duanya merekodkan skor min keseluruhan tinggi iaitu masing-masing 4.07 dan 3.86. Ringkasan dapatan keseluruhan bagi keempat-empat komponen adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Komponen sosioekonomi yang dominan

No.	Komponen Sosioekonomi	Min	Interpretasi Min
1.	Pertumbuhan peluang pekerjaan dan pertambahan pendapatan.	4.34	Sangat tinggi
2.	Pertambahan peluang perniagaan.	4.22	Sangat tinggi
3.	Penyediaan infrastruktur awam	4.07	Tinggi
4.	Jaringan sosial masyarakat setempat.	3.86	Tinggi

Dapatan menunjukkan secara keseluruhannya sosioekonomi masyarakat setempat telah menerima impak positif dari pengiktirafan Lenggong sebagai sebuah Tapak Warisan Dunia UNESCO. Pengiktirafan ini telah merubah dinamik ekonomi di Lenggong dan membawa peluang dan cabaran baru kepada masyarakat setempat.

Skor min yang ditunjukkan dalam Jadual 1 juga menunjukkan pemboleh ubah sosial (penyediaan infrastruktur awam dan jaringan sosial) mempunyai lebih banyak rintangan dalam mencapai impak

positif yang ketara. Kemakmuran ekonomi yang mengundang kehadiran pelancong, pengunjung dan juga pemastautin baru dari luar kawasan telah memberi cabaran baru dalam sosial masyarakat setempat. Kemampuan Pihak Berkuasa Tempatan untuk menangani isu-isu pembangunan, ekonomi dan sosial juga perlu diberi perhatian agar kemampuan sedia ada agensi tidak menjadi penghalang untuk pertumbuhan ekonomi yang lebih makmur buat Lenggong itu sendiri.

4. KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, hasil dapatan kajian ini menunjukkan potensi positif untuk pertumbuhan sosioekonomi masyarakat di Lenggong, Perak. Bagi pihak UNESCO, dapatan kajian ini boleh menjadi salah satu pembuktian bahawa pengiktirafan Tapak Warisan Dunia UNESCO mampu memberi manfaat sosioekonomi yang berkesan dan seterusnya memacu pertumbuhan pembangunan kawasan sekitar. Kajian ini juga memberi gambaran bahawa komitmen pihak berkepentingan dan keterlibatan masyarakat setempat yang serius adalah tunjang utama bagi memastikan setiap tapak yang diberi pengiktirafan ini mampu untuk berkembang maju sambil mengekalkan usaha pemuliharaan dan pemeliharaan nilai sejarah dan keunikannya. Kajian ini juga boleh dijadikan sebagai *benchmark* untuk menyokong dan membina pelan tindakan bagi cadangan Kerajaan Negeri Perak menjadikan Hutan Royal Belum sebagai sebuah lagi Tapak Warisan Dunia UNESCO di Negeri Perak.

Bagi Cadangan kajian lanjutan, penelitian khusus boleh diberikan kepada isu penyediaan infrastruktur awam. Kajian boleh dilaksanakan bagi menilai komponen infrastruktur awam yang kritikal untuk dibangunkan dalam pertumbuhan ekosistem pelancongan di Lenggong. Kajian juga boleh menumpukan hubungan komuniti, industri dan Kerajaan dalam memastikan kemudahan fasiliti awam sedia ada dioptimumkan penggunaan dan di selenggara dengan berkesan. Kajian-kajian ini boleh memberi sudut pandang tambahan agar perancangan jangka panjang Kerajaan lebih tersusun untuk pembangunan dan kemakmuran sosioekonomi di Lenggong, Perak.

5. PENGHARGAAN

Ditujukan kepada semua penulis dan pihak yang terlibat dalam menjayakan penulisan artikel ini.

6. RUJUKAN

- Andreyanova, E.L. (2021). Local community's role in tourism development. *IOP Conference Series: Earth and Environmental Science* 885: 1-5.
- Anis Fadhillah Mat Wahi, Mohamad Azwan Yusop, Mastura Jaafar @ Mustapha & Abdul Ghapar Othman. (2015). Assessing tourism economic impact on local community in Lenggong Valley. *Advance in Environmental Biology* 9(4): 55-58.
- Bertacchini, E., Revelli, F. & Zotti, R. (2024). The economic impact of UNESCO World Heritage: Evidence from Italy. *Regional Science and Urban Economics* 105(103996): 1-11.
- Castillo-Manzano, J. I., Castro-Nuno, M. & Lopez-Valpuesta, L. (2020). Assessing the tourism attractiveness of World Heritage Sites: The case of Spain. *Journal of Cultural Heritage*. Vol 48:305-311.
- Chen, Y., Cottam, E. & Lin, Z. (2020). The effect of resident-tourist value co-creation on residents' well-being. *Journal of Hospitality and Tourism Management* 44:30-37.
- Chua Yan Piaw. (2021). *Kaedah Penyelidikan*. Edisi Ke-4. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education, Malaysia.
- Frey, B.S., & Steiner, L. (2011). World Heritage List: Does it make sense? *International Journal of Cultural Policy* 17(5): 555-573.

- Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC). (2024). Siaran Media Pengiktirafan Tapak Warisan Arkeologi Kompleks Gua Taman Negara Niah, Sarawak Sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO. 27 Julai.
<https://www.motac.gov.my/media2/siaran/pengiktirafan-tapak-warisanarkeologi-kompleks-gua-taman-negara-niah,-sarawak-sebagai-tapak-warisandunia-unesco> [5 November 2024].
- Mohd Nazri Abdul Raji, Shahrim Ab. Karim, Farah Adibah Che Ishak, Mohd Mursyid Arshad & Mohd Aliff Abdul Majid. (2022). Exploring the roles of local food in developing Lenggong Valley as a rural food tourism destination. *Geografia Online Malaysia Journal of Society and Space* 18(2): 16-31.
- Nunkoo, R. & So, K.K.F. (2016). Residents' support for tourism: Testing alternative structural models. *Journal of Travel Research* 55(7): 847–861.
- Skrabic Peric, B., Simundic, B., Mustra, V. & Vugdelija, M. (2021). The Role of UNESCO cultural heritage and cultural tourism development: The case of EU countries. *Sustainability* 13(5473): 2-14.
- Somnuxpong, S. & Chiarasumran, N., (2024). A study of the environmental, economic and social/cultural impact of historical and cultural tourism in the Old Town District of Chiang Mai: Evaluating the sustainable development possibilities for a destination under consideration as
- Subedi, B. S. (2016). Using Likert type data in social science research: Confusion, issues and challenges. *International Journal of Contemporary Applied Sciences* 3(2): 36-49.
- United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO). (2024a). World Heritage List. <https://whc.unesco.org/en/list/> [5 November 2024]
- United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization World Heritage Centre (UNESCO WHC). (2008). *UNESCO World Heritage Centre – World Heritage Information Kit*. Paris: UNESCO
- Yang, C.-H., Lin, H.-L. & Han, C.-C. (2010). Analysis of International tourist arrivals in China: The role of World Heritage Sites. *Tourism Management* 31: 827–837.